



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 17 JUN 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	RM300 JUTA MODENISASI SEKTOR PERIKANAN, NEGARA, KOSMO - 8	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	RM300 JUTA PERKASA SEKTOR PERIKANAN, NASIONAL, SINAR HARIAN – 6	
3.	RM300 JUTA BANTU SEKTOR PERIKANAN, BELA KOMUNITI NELAYAN, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA – 4	
4.	RM300 JUTA SELAMATKAN SUMBER LAUT, NELAYAN, LOKAL, HARIAN METRO - 6	
5.	EAIC DEDAH KELEMAHAN DOF PULAU PINANG, LOKAL, HARIAN METRO – 6	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6.	EAIC TEGUR KELEMAHAN JABATAN PERIKANAN PULAU PINANG BERTINDAK, NASIONAL, BERITA HARIAN – 16	
7.	PENANG FISHERIES DEPT VOWS TO BEEF UP ENFORCEMENT, NATION, NEW STRAITS TIMES – 6	
8.	PENGGUNAAN KOD DUITNOW QR AGROBANK NAIK LEBIH 60%, NIAGA, KOSMO – 31	BANK PERTANIAN MALAYSIA (AGROBANK)
9.	AGROBANK PACU EKONOMI DIGITAL KOMUNITI NELAYAN, MUKA TENGAH, HARIAN METRO -25	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



AHMAD ZAHID mempengerusikan Mesyuarat JPT-PPN di Putrajaya semalam.

RM300 juta modenisasi sektor perikanan

PUTRAJAYA – Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM300 juta menerusi Rancangan Malaysia Ke-13 dalam usaha memastikan kelangsungan sumber laut negara, kebajikan nelayan dan integriti sistem subsidi terus dipelihara.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, menerusi peruntukan itu, kerajaan bersetuju melaksanakan dua skim utama iaitu Skim Pembiayaan Pemacu Perikanan Tangkapan dan Skim Geran Padanan untuk Penggantian Pukat Tunda dan Bot dengan dana RM150 juta.

“Skim terbabit bagi menaik taraf vesel dan automasi industri perikanan selain memastikan kaedah tangkapan yang lebih lestari dan mesra alam,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Terdahulu, Ahmad Zahid mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Tertinggi Pembangunan dan Pemerkasaan Nelayan (JPT-PPN) sebagai sebahagian daripada usaha kerajaan memperkukuh sektor perikanan negara serta memperkasa komuniti nelayan.

“

Skim terbabit bagi menaik taraf vesel dan automasi industri perikanan selain memastikan kaedah tangkapan yang lebih lestari dan mesra alam.”

Menerusi mesyuarat itu, turut dibentangkan Hasil Sesi Libat Urus Komuniti Nelayan (SLU) sejak November 2024 dengan mengenal pasti 37 isu utama nelayan.

Ahmad Zahid berkata, sebanyak 46 peratus isu telah diselesaikan melalui tindakan rentas kementerian, sekali gus membuktikan keberkesanan pendekatan kerajaan yang inklusif dan responsif terhadap suara komuniti nelayan.

“Mesyuarat turut bersetuju melaksanakan Projek Transformasi Ekonomi Nelayan Melalui Akuakultur (TEMAN-AKUA): Akuakultur untuk Nelayan B40,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/6/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	6

RM300 juta perkasa sektor perikanan

Pendekatan lebih lestari dan moden demi kesejahteraan komuniti nelayan

Oleh IZWAN ROZLIN
KUALA LUMPUR

Kerajaan meluluskan dua skim baharu bernilai RM300 juta bagi memperkasa sektor perikanan negara melalui pendekatan lebih lestari dan moden demi kesejahteraan komuniti nelayan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, kelulusan itu adalah sebahagian daripada pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) yang antara lain merangkumi Skim Pembiayaan Pemacu Perikanan Tangkapan serta Skim Geran Padanan bagi menggantikan pukut tunda dan bot sedia ada.

"Langkah ini penting ke arah amalan perikanan yang lebih lestari dan moden, sekali gus men-



Ahmad Zahid (tengah) ketika mempengerusikan Mesyuarat IPT-PPN pertama bagi tahun 2025 pada Isnin.

jamin keterjaminan makanan negara," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Tertinggi Pembangunan dan Pemerkasaan Nelayan (JPT-PPN) yang pertama bagi tahun 2025, susulan sesi libat

Zon Pantai Barat pada Mac lalu.

Ahmad Zahid berkata, peruntukan RM300 juta itu turut melibatkan pendekatan padanan geran serta pembiayaan bersasar untuk meningkatkan pendapatan nelayan dan mengurangkan ketergantungan kepada tenaga kerja asing.

Selain itu, kerajaan akan melaksanakan Projek Transformasi

Ekonomi Nelayan Melalui Akuakultur yang akan memanfaatkan 1,100 nelayan B40 tidak berlesen di Melaka, Negeri Sembilan dan Perlis dengan nilai peruntukan awal, RM5 juta.

"Program ini dijangka mampu menjana pulangan sehingga RM50 juta setahun dan meningkatkan pendapatan isi rumah sehingga RM10,000 sebulan,"

ujarnya.

Turut diumumkan ialah penubuhan sebuah institusi memperkasakan nelayan di Lumut bagi menyediakan latihan kemahiran, keusahawanan serta bantuan geran sehingga RM200,000 bagi membina keupayaan tempatan dalam sektor perikanan.

Dalam masa sama, beliau berkata, pelaksanaan subsidi diesel bersasar melalui Sistem Kawalan Diesel Subsidi (SKDS 2.0) akan diperkukuh susulan kejayaan Op Tiris yang berjaya menyelamatkan lebih RM400 juta.

Menurutnya, kerajaan telah mengenal pasti 37 isu utama hasil sesi libat urus sebelum ini dan sebanyak 46 peratus daripadanya telah diselesaikan manakala selebihnya sedang dilaksanakan secara berperingkat.

"Kepada semua komuniti nelayan di seluruh negara, yakinlah bahawa kita tidak akan berkompromi dengan ketirisan.

"Kita akan terus menumpukan dasar bersasar dan memperkasa anda sebagai pemain penting dalam ekosistem makanan negara," katanya.

RM300 juta bantu sektor perikanan, bela komuniti nelayan

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
utusannews@mediamulla.com.my

PUTRAJAYA: Kerajaan memperuntukkan RM300 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13) untuk memperkukuh sektor perikanan negara serta mempertaka komuniti nelayan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, menerusi peruntukan ini, kerajaan memastikan kelangsungan sumber laut negara, kebajikan nelayan dan integriti sistem subsidi terus dipelihara.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Peringkat Tertinggi Pembangunan dan Pemerkasaan Nelayan (JPT-PPN) berkata, kerajaan bersetuju melaksanakan dua skim utama iaitu pertama, Skim Pembiayaan Pemacu Perikanan Tangkapan bagi menaik taraf vesel dan automasi industri perikanan.

"Satu lagi skim ialah Skim Geran Padanan untuk Penggantian Pukat Tunda dan Bot ke arah kaedah tangkapan yang lebih lestari dan mesra alam. Setiap skim



AHMAD Zahid Hamidi ketika mempengerusikan Mesyuarat JPT-PPN di Putrajaya semalam. - GAMBAR TPM

ini diperuntukkan RM150 juta," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat JPT-PPN di sini semalam.

Ahmad Zahid berkata, hasil sesi libat urus komuniti nelayan sejak November tahun lalu mengenal pasti 37 isu utama nelayan dan sebanyak 46 peratus isu telah diselesaikan melalui tindakan rentas kementerian.

Katanya, Projek Transfor-

masi Ekonomi Nelayan Melalui Akuakultur (TEMAN-AKU): Akuakultur untuk Nelayan B40 akan dilaksanakan dengan menyasarkan nelayan tidak berlesen di Melaka, Negeri Sembilan dan Perlis untuk beralih ke industri akuakultur.

"Pelaksanaan empat fasa akan melibatkan ternakan kerang dan kupang, dengan potensi pulangan RM50 juta setahun.

"Kos keseluruhan RM5 juta bagi tempoh 2025-2029 akan disokong melalui Program Sistem Penyampaian dan Khidmat Sokongan (SPEKS) Akuakultur," katanya.

Selain itu, kata Ahmad Zahid, Program Latihan dan Geran Keusahawanan Nelayan Tempatan diperkenalkan dan Kolej Perikanan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, Lumut, Perak, akan

melatih tekong dan nelayan tempatan bagi mengurangkan ketergantungan kepada kru asing.

Jelas beliau, program termasuk Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), latihan jangka pendek dan sokongan geran keusahawanan sehingga RM200,000 disediakan dan sebagai permulaan, Projek Rintis 2025 akan melibatkan 50 peserta.

"Op Tiris 1.0 hingga 3.0 berjaya membantulas penyelewengan subsidi diesel dengan 1,600 tangkapan dilakukan melibatkan nilai lebih RM400 juta.

"Pelaksanaan penyasaran subsidi bermula 10 Jun 2024 di Semenanjung memastikan nelayan masih menerima subsidi RM1.65/liter melalui Sistem Kawalan Diesel Bersubsi (SKDS), manakala penguatkuasaan di Sabah, Sarawak dan Labuan diperhebatkan," katanya.

Beliau berkata, kerajaan tidak akan berkompromi terhadap ketirisan dan penyelewengan, sebaliknya akan terus perkukuh dasar secara bersasar dan memperkasa kapasiti nelayan.

RM300j selamatkan sumber laut, nelayan

Putrajaya: Komitmen kerajaan dalam memastikan kelangsungan sumber laut negara, kebajikan nelayan dan integriti sistem subsidi terus dipelihara, diperkukuhkan lagi menerusi peruntukan RM300 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13) untuk perikanan lestari.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi (*gambar*) berkata, di bawah peruntukan itu, kerajaan berseutu melaksanankan dua skim utama iaitu Skim Pembiayaan Pemacu Perikanan Tangkapan dan Skim Geran Padanan untuk Penggantian Pukat Tunda dan Bot.

"Setiap skim ini diperuntukkan RM150 juta, dengan Skim Pembiayaan Pemacu Perikanan Tangkapan akan memberi tumpuan kepada menaik taraf vesel dan automasi industri perikanan.

"Skim Geran Padanan untuk Penggantian Pukat Tunda dan Bot pula bertujuan menggalakkan penggunaan kaedah tangkapan yang lebih lestari dan mesra alam," katanya dalam kenyataan selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Tertinggi Pembangunan dan Pemerkasaan Nelayan (JPT-PPN), semalam.

Ahmad Zahid yang juga Pengerusi JPT-PPN berkata, mesyuarat juga berseutu untuk melaksanakan Projek Transformasi Ekonomi Nelayan Melalui Akuakultur (TE-MAN-AKUA); Akuakultur untuk Nelayan B40, yang menyasarkan nelayan tidak berlesen di Melaka, Negeri Sembilan dan Perlis untuk beralih ke industri akuakultur.

Beliau berkata, projek itu akan dilaksanakan dalam empat fasa, melibatkan ternakan kerang dan kupang, dengan potensi pulangan RM50 juta setahun.

"Kos keseluruhan RM5 juta bagi tempoh 2025 hingga 2029 akan disokong melalui Program

Sistem Penyampaian dan Khidmat Sokongan (SPeKS) Akuakultur," katanya.

Ahmad Zahid berkata, mesyuarat turut dimaklumkan Kolej Perikanan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, Lumut, Perak akan melatih tekong dan nelayan tempatan bagi mengurangkan kebergantungan kepada kru asing, di bawah Program Latihan dan Geran Keusahawanan Nelayan Tempatan.

Beliau berkata, program itu termasuk Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), latihan jangka pendek serta sokongan geran keusahawanan sehingga RM200,000, dan sebagai permulaan Projek Rintis 2025 akan melibatkan 50 peserta.

Ahmad Zahid berkata, mesyuarat turut membincangkan mengenai Ops Tiris 1.0 hingga 3.0 yang telah berjaya membanteras penyelewengan subsidi diesel dengan 1,600 tangkapan dilakukan melibatkan nilai lebih RM400 juta.

Beliau berkata, pelaksanaan penyasaran subsidi bermula 10 Jun 2024 di Semenanjung memastikan nelayan masih menerima subsidi RM1.65 seliter melalui Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS), manakala penguatkuasaan di Sabah, Sarawak dan Labuan diperhebatkan.

"Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan komited untuk memperkenalkan inisiatif inisiatif baharu bagi mengekang isu ketirisan diesel dalam kalangan nelayan.

"Justeru saya menegaskan bahawa kerajaan tidak akan berkompromi terhadap ketirisan dan penyelewengan, sebaliknya akan terus memperkukuhkan dasar secara bersasar, memperkasakan kapasiti nelayan dan memastikan keberlangsungan industri perikanan sebagai satu tunggak keterjaminan makanan negara," katanya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/6/2025	HARIAN METRO	LOKAL	6

PENCEROBOHAN BOT PUKAT TUNDA DARI ZON B KE ZON A

EAIC dedah kelemahan DOF Pulau Pinang

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) mendedahkan kelemahan serius dalam pengurusan penguatkuasaan Jabatan Perikanan (DOF) Pulau Pinang berkaitan dakwaan kegagalan bertindak terhadap pencerobohan bot pukat tunda dari Zon B ke Zon A.

Siasatan EAIC ini dijalankan di bawah subseksyen 27(4), Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700] selepas menerima laporan bahawa DOF Pulau Pinang tidak membuka kertas siasatan walaupun terdapat aduan pencerobohan.

EAIC berkata, hasil siasatan pihaknya mendapati, tindakan DOF Pulau Pinang tidak membuka siasatan

didapati selari dengan Pekeliling dan Prosedur Operasi Standard (SOP) jabatan berkenaan.

Namun, kata EAIC, pihaknya mendapati terdapat beberapa kegagalan serius lain daripada aspek pemantauan dan pengurusan.

"EAIC mendapati, DOF Pulau Pinang gagal melaksanakan pemantauan seawajarnya terhadap pegawai atau anggota penguat kuasa di bawah seliaannya.

"Lawatan dan pemeriksaan ke pangkalan penguatkuasaan DOF Pulau Pinang di Batu Maung hanya dilaksanakan sekali dalam tempoh setahun.

"Selain itu, pengurusan DOF Pulau Pinang juga didapati tidak peka terhadap

tugasan harian penguatkuasaan yang dilaksanakan pegawai atau anggota bahagian serta kekangan yang dihadapi oleh pegawai anggota di pangkalan itu," kata EAIC pada kenyataan, semalam.

Mengulas lanjut, EAIC berkata, DOF Pulau Pinang juga gagal memastikan butiran Buku Log Penguatkuasaan direkodkan pegawai bertanggungjawab dengan lengkap dan teratur.

"Sehubungan itu, EAIC memutuskan untuk merujuk hasil siasatan membatikan isu kegagalan pemantauan pegawai atau anggota sehingga menyebabkan tindakan penguatkuasaan yang tidak kompeten dan efektif kepada Ketua Jabatan DOF dengan be-

berapa cadangan.

"Antaranya, surat teguran diberikan kepada pengurusan tertinggi DOF Pulau Pinang yang terbabit atas kegagalan melaksanakan pemantauan secara berkesan serta syor hukuman tatatertib terhadap pegawai yang gagal memastikan butiran Buku-Buku Log Penguatkuasaan direkodkan dengan teratur.

"Selain itu, penambahbaikan SOP aduan, siasatan atau operasi DOF mengenai aduan yang menyertakan rakaman video sebagai bukti," kata EAIC.

EAIC berkata, kursus, latihan atau *refresher course* secara menyeluruh kepada DOF Pulau Pinang juga perlu dilaksanakan.

Pencerobohan bot pukat tunda

EAIC tegur kelemahan Jabatan Perikanan Pulau Pinang bertindak

Agensi gagal pantau pegawai, anggota laksana tugas punca penguatkuasaan tidak berkesan

Oleh Rafhanah Hazirah Ramlin
bhnew@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) mengesahkan kegagalan Jabatan Perikanan Pulau Pinang memantau sewajarnya pegawai dan anggota sehingga menyebabkan penguatkuasaan tidak berkesan.

Dapatan itu dikemukakan melalui laporan siasatan EAIC mengenai kegagalan jabatan terbabit da-

lam mengambil tindakan terhadap aduan pencerobohan bot pukat tunda Zon B ke Zon A.

Zon A dan Zon B merujuk pembahagian kawasan perairan untuk operasi bot pukat tunda berdasarkan jarak dari pantai. Zon A kawasan perairan yang lebih dekat dengan pantai manakala Zon B kawasan yang lebih jauh.

Melalui kenyataan media, EAIC mengesahkan menerima aduan terhadap Jabatan Perikanan Pulau Pinang membabitkan isu berkenaan, dengan siasatan dijalankan berdasarkan aduan diterima mengikut subseksyen 27(4) Akta EAIC 2009.

EAIC memaklumkan, siasatan mendapati keputusan Jabatan Perikanan Pulau Pinang untuk tidak membuka kertas siasatan terhadap aduan pencerobohan bot pukat tunda selari dengan pekeliling dan prosedur operasi standard (SOP) jabatan perikanan.

"EAIC juga mendapati Jabatan Perikanan Pulau Pinang gagal melaksanakan pemantauan seawajarnya terhadap pegawai atau anggota penguat kuasa di bawah seliaannya.

"Lawatan dan pemeriksaan ke pangkalan penguatkuasaan Jabatan Perikanan Pulau Pinang di Batu Maung hanya dilaksanakan sekali dalam tempoh setahun.

"Selain itu, pengurusan Jabatan Perikanan Pulau Pinang juga didapati tidak peka terhadap tugasan harian penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh pegawai atau anggota bawahan serta kekurangan-kekurangan dihadapi oleh pegawai anggota di pangkalan itu.

"Jabatan Perikanan Pulau Pinang juga gagal memastikan butiran Buku Log Penguatkuasaan direkodkan dengan lengkap dan teratur oleh pegawai bertanggungjawab," katanya.

Sehubungan itu, EAIC memutuskan untuk merujuk hasil siasatan untuk melaksanaka-

kan pemantauan pegawai atau anggota sehingga menyebabkan tindakan penguatkuasaan tidak kompeten dan efektif kepada Ketua Jabatan Perikanan dengan beberapa cadangan.

Surat teguran diberikan

Antaranya, surat teguran diberikan kepada pihak pengurusan tertinggi Jabatan Perikanan Pulau Pinang yang terbabit atas kegagalan melaksanakan pemantauan secara berkesinambungan.

"Syor hukuman tatatertib juga diberikan terhadap pegawai yang gagal memastikan butiran Buku Log Penguatkuasaan direkodkan dengan teratur, selain menambahkan SOP aduan, siasatan dan operasi jabatan perikanan mengenai aduan yang menyertakan rakaman video sebagai bukti.

"Turut disyorkan pelaksanaan kursus, latihan dan *refresher*

course secara menyeluruh kepada Jabatan Perikanan Pulau Pinang, meliputi aspek pemahaman dan pematuhan terhadap SOP, garis panduan, dasar, arahan tetap serta prosedur berkaitan tatacara penguatkuasaan, operasi dan pelesenan jabatan perikanan," katanya.

Melalui kenyataan berasingan berhubung siasatan terhadap dakwaan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Perak) melepaskan tangkapan bersama sebuah bot yang melakukan kesalahan menggunakan pukat jenis bubu naga, EAIC memaklumkan pihaknya mendapati tiada salah laku berlaku.

"Siasatan dijalankan mengikut subseksyen 27(4) Akta EAIC 2009 tidak dapat mengesan dan dakwaan itu. Sehubungan itu, EAIC memutuskan untuk menghentikan siasatan dan tidak mengambil tindakan tatatertib terhadap pegawai terbabit," katanya.

TARIKH

17/6/2025

MEDIA

BERITA
HARIAN

RUANGAN

NASIONAL

MUKA
SURAT

16

Penggunaan kod DuitNow QR Agrobank naik lebih 60%

TUMPAT – Kaedah perbankan digital khususnya penggunaan kod Duitnow QR Agrobank di Pulau Sri Tanjung di sini bagi menggantikan pembayaran secara tunai dalam kalangan pengunjung dan peniaga telah bertambah lebih daripada 60 peratus.

Pegawai Eksekutif Kumpulan Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, sejak kemudahan tersebut dimulakan di pulau yang dulunya sebuah perkampungan nelayan dan di transformasi sebagai wilayah Agrobank sejak enam bulan lalu, kemudahan pembayaran tunai menggunakan kod DuitNow QR meningkat dengan kadar menggalakkan.

"Jika hujung minggu, pengunjung ke pulau ini mencecah sehingga 2,000 hingga 3,000 orang manakala pada cuti hujung minggu di musim cuti sekolah, pengunjung boleh cecah antara 4,000 hingga 5,000 orang sehari.

"Transaksi menggunakan kod DuitNow QR kini telah diterima dengan sebaiknya oleh peniaga dan pengunjung. Ini satu perkem-



MUHAMMAD FAIZ (dua dari kiri) dan Tengku Ahmad Badli Shah (kiri) melancarkan wilayah Agrobank di Pulau Sri Tanjung, Tumpat, Kelantan baru-baru ini.

bangan menarik buat kami.

"Ini adalah transaksi perbankan yang mudah, cepat dan selamat," katanya pada majlis pelancaran Wilayah Agrobank Pulau Sri Tanjung di sini baru-baru ini.

Turut hadir Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia,

Muhammad Faiz Fadzil

Penggunaan kod DuitNow QR Agrobank adalah sejajar dengan agenda Bank Negara Malaysia iaitu inisiatif e-Duit Desa.

Kerjasama antara Agrobank sebagai penyedia perkhidmatan kewangan dan Pay-

ments Network Malaysia Sdn Bhd (PayNet) selaku penyedia infrastruktur pembayaran negara dan pengendali platform DuitNow QR mencerminkan komitmen bersama untuk memperluas keterangkuman kewangan ke kawasan yang kurang

mendapat akses perkhidmatan.

Tengku Ahmad Badli Shah berkata, pihaknya menyasarkan untuk membantu usahawan di Pulau Sri Tanjung yang terdiri daripada 60 peniaga untuk membuka akaun perbankan Agrobank.

Secara tidak langsung, beliau tidak menolak kemungkinan usahawan ini boleh menggunakan salinan transaksi perbankan digital sedia ada untuk membolehkan mereka membuat permohonan pinjaman daripada Agrobank untuk perancangan pembangunan masa depan.

"Untuk memastikan perkembangan Pulau Sri Tanjung, Agrobank akan melaksanakan beberapa inisiatif berterusan termasuk mengenal pasti dan melantik ejen perbankan tempatan bagi memudahkan akses kepada perkhidmatan kewangan untuk penduduk setempat.

Selain itu, Agrobank akan turut menyediakan khidmat nasihat kewangan yang menyeluruh kepada para nelayan, khususnya berkaitan kemudahan pembiayaan yang bersesuaian dengan keperluan mereka.

17/6/2025

HARIAN
METROMUKA
TENGAH

25



PENGERISI Agrobank, Datuk Yusof Abd Ghani (dua dari kanan) menyerahkan replika cek simbahang zakat kepada wakil (dua dari kiri) Sekolah Kebangsaan Pulau Beluru. (dua dari kiri) wakil Perasmi Wilayah Agrobank Pulau Sri Tanjung.

PULAU SRI TANJUNG, TUMPAJ JADI HAB EKONOMI MIKRO TANPA TUNAI

AGROBANK PACU EKONOMI DIGITAL KOMUNITI NELAYAN

Oleh Sri Ayu Kartika Amri
kartika@mediaprima.com.my

Kuala Nerus

Ditengah-tengah lautan dan kehidupan pesisir, Pulau Sri Tanjung, Tumpat, Kelantan muncul sebagai contoh perubahan komuniti berteraskan ekonomi digital dengan sokongan penuh Agrobank.

Pulau ini yang kebanyakannya diidami nelayan dan pengusaha hasil laut, kini bertransformasi menjadi pusat ekonomi mikro sekali gus menjadi Wilayah Agrobank pertama yang menggunakan kod QR sebagai kaedah utama pembayaran tanpa tunai.

Antara dua tarikan utama di sini ialah pasar nelayan terapan yang unik di mana nelayan menjual hasil laut dan makanan tempatan terus dari bot mereka.

Sehingga 60 penjaja kecil terdiri daripada ahli keluarga nelayan, kini aktif menjaga pendapatan harian, selain lebih 450 keluarga nelayan turut menyumbang kepada ekonomi tempatan menerusi aktiviti penangkapan ikan.

Dalam usaha memodenkan ekosistem perikanan di pulau ini,

Agrobank memperkenalkan penggunaan kod QR bagi semua transaksi jual beli.

Inisiatif ini selaras dengan mandat Bank Negara Malaysia untuk memperluas penggunaan pembayaran digital, dengan kerjasama rakan teknologi PayNet.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah, Raja

Hussein berkata, lebih 60 peratus transaksi di Pulau Sri Tanjung kini dilakukan secara tanpa tunai, membolehkan urus niaga lebih pantas, selamat dan telus.

Katanya, projek Wilayah Agrobank ini bukan sekadar program tanggungjawab sosial korporat (CSR), sebaliknya satu plan strategik jangka panjang untuk memperluas akses perikanan dan kemudahan kewangan di kawasan yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan (underserved).

"Pulau Sri Tanjung menjadi Wilayah Agrobank pertama dan kami merancang untuk mempunyai enam Wilayah Agrobank di mana dua lagi wilayah bakal dilancarkan tahun ini, termasuk di Kampung Nelayan Peris dan Pulau Melaka, manakala empat lagi menjelang

tahun depan," katanya.

Beliau berkata demikian di Majlis Pelancaran Wilayah Agrobank Pulau Sri Tanjung di sini, hari ini.

Tengku Ahmad berkata, Agrobank tidak hanya menekankan keunikan, tetapi bertindak sebagai penyedia perkhidmatan kewangan yang inklusif kepada rakyat, khususnya komuniti luar bandar.

"Usaha ini membolehkan pen-



AHMAD Fathil kini berkarya dan berniaga tanpa tunai.



Pulau Sri Tanjung.

diduk tempatan membuka akaun, mengakses pembiayaan dan menyertai ekonomi digital negara.

"Selain itu, bagi membantu transformasi pengusaha di pulau ini, Agrobank menyediakan pembiayaan mikro sehingga RM50k dan geran padanan iktiad bagi pengusaha mikro yang layak," katanya.

Beliau berkata, beberapa produk dan perkhidmatan lain akan diperkenalkan bagi menyokong komuniti luar bandar di sekitar pulau ini.

Dalam pada itu, usaha bank transformasi Pulau Sri Tanjung menjadi Wilayah Agrobank yang dimulakan sejak enam bulan lalu dilihat membuahkan hasil berikutan pengusaha di pulau itu berjaya merekodkan peningkatan hasil jualan sekali ganda.

Ahmad Fathil Othman, si, atau



PENGERISI Agrobank, Datuk Yusof Abd Ghani (dua dari kanan) bersama Tengku Ahmad Badli Shah (dua dari kiri) ketika gimik pelancaran Majlis Perasmi Wilayah Agrobank Pulau Sri Tanjung.



MAK Nab lebih selesa menyerahkan transaksi secara tanpa tunai.



lebih dikenali sebagai Padli Osman, merupakan pengiat seni batik warisan Kelantan yang kini berkarya dan berniaga di Pulau Sri Tanjung.

Beliau meluahkan rasa syukur dan bangga kerana menjadi sebahagian daripada inisiatif Wilayah Agrobank yang banyak mengangkat semula seni tradisional.

"Selak menjadi Wilayah Agrobank, saya melihat perubahan yang sangat ketara dan jualan saya juga semakin memberangsangkan, malah pernah pernah 1,000 set kandungan batik terjual ketika cuti persekolahan."

Penggunaan kod QR Agrobank ini benar-benar membantu saya berurus niaga dengan lebih mudah. Pelanggan sekarang lebih suka bayar guna QR dan semua jadi lebih terurus serta selamat," katanya yang berpengalaman lebih 30 tahun dalam seni batik.

Tambah beliau, teknologi digital tidak seharusnya dilihat sebagai ancaman kepada peniaga terutamanya dalam bidang seni, sebaliknya sebagai wadah memperluas bakat.

"Perubahan kawasan ini selepas menjadi Wilayah Agrobank amat ketara dan kami berterima kasih dengan semua pihak yang berusaha menjadikan pulau ini sebagai destinasi agrotourism kepada rakyat Malaysia," katanya.

Sementara itu, Zaitab Mazat, 65, atau lebih dikenali sebagai Mak Nab yang menjalankan perniagaan 'lokan bakar' dan sotong bakar turut meluahkan rasa bersyukur kerana dengan transformasi yang dilaksanakan di pulau ini membantu meningkatkan jualan.

"Selepas pulau ini diangkat sebagai Wilayah Agrobank, jualan saya naik dua kali ganda, pada awalnya memang agak sukar nak belajar menggunakan kod QR, tapi lama-lama jadi mudah dan anak-anak juga banyak beri tunjuk ajar."

"Dulu nak buka kedai kanti peniaga sibuk kena rujuk duit kecil dan sekarang lebih mudah serta selamat sebab duit terus masuk akaun," katanya yang turut mendapat tempahan lokan bakar dari luar Kelantan.

Menurutnya, walaupun pada peringkat awal berasa janggal kerana tidak menaseg duit, tunai lebih berniaga, kini Mak Nab lebih selesa menjalankan transaksi secara tanpa tunai.

"Boleh dikatakan rata-rata pengunjung yang datang memang menggunakan kod QR untuk membayar," katanya.

Beliau turut mencadangkan supaya sistem pembayaran diperingkat dengan penggunaan imbasan bunyi (sound bar) untuk memudahkan peniaga berbisnis seperi ini, selain memberi paza lebih yakin ketika menerima bayaran secara digital.

Dengan strategi yang berfaisad memperkasa dan menyantuni akar umbi, Wilayah Agrobank Pulau Sri Tanjung kini menjadi simbol kejayaan pelaksanaan ekonomi digital industri, hasil kolaborasi pelbagai agensi di bawah pusing pembangunan Malaysia Madani.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/6/2025	NEW STRAITS TIMES	NATION	6

IMMEDIATE CORRECTIVE MEASURES TAKEN

PENANG FISHERIES DEPT VOWS TO BEEF UP ENFORCEMENT

Move follows EAIC report on lapses in enforcement on trawler intrusions

AUDREY DERMAWAN
AND FUAD NIZAM
GEORGE TOWN
news@nst.com.my

THE Penang Fisheries Department has pledged to enhance enforcement efforts and tighten regulatory oversight in response to the Enforcement Agency Integrity Commission's (EAIC) scathing findings on repeated trawler intrusions and enforcement lapses.

This follows an EAIC investigation which revealed that trawlers, particularly those from Zone B, had encroached upon protected Zone A waters in contravention of the Fisheries Act 1985. The report also uncovered serious shortcomings in the department's enforcement operations and internal monitoring.

State Fisheries Department director Zarina Zainuddin, in a

statement to the *New Straits Times*, said the department would take immediate corrective measures, including more frequent and unannounced inspections at enforcement bases to ensure full compliance with standard operating procedures (SOPs).

"Surprise checks were already conducted in April and July last year."

She also revealed that continuous internal audits had been introduced to improve transparency in enforcement logbooks, aligning with the EAIC's recommendation to strengthen documentation practices.

"We have enhanced our record-keeping systems to ensure clarity, accountability and accuracy of daily enforcement logs."

The department will also roll out comprehensive training and SOP enhancement programmes for its enforcement personnel.

"A key reform is the streamlining of complaint-handling procedures, especially those involving video evidence. This aims to expedite investigations and ensure appropriate enforcement action is taken without delay," Zarina said.

In line with this, the department now lodges police reports and initiates investigations into every complaint involving encroachment into Zone A waters.

To date, she said seven video-based complaints involving Zone B1 and Zone C trawlers were received last year.

This led to enforcement actions against 13 vessels, including RM6,000 in fines and legal proceedings against the violators.

Additionally, seven Zone C trawlers were seized, with auction proceeds and fines totalling RM41,200.

Other penalties included the suspension of fishing and vessel licences for one year, confiscation of fishing gear and a five-year prohibition on vessel ownership transfers.

Earlier, Penang's Agrotechnology, Food Security and Cooperative Development Committee chairman Fahmi Zainol said the state government had demanded a formal explanation from the Fisheries Department following the EAIC's report.

"The department is expected to meet with me this Friday. They are also expected to issue a public statement on the matter soon,"

he told the *New Straits Times*.

Fahmi said the state would first verify the authenticity of the data before deciding on further action.

The EAIC initiated its probe following public complaints. Its findings revealed only one inspection had been conducted at the Batu Maung enforcement base over a 12-month period.

The commission said senior management at the Penang Fisheries Department were unaware of day-to-day enforcement operations or the challenges faced by junior officers on the ground.

It also criticised the department's failure to ensure enforcement logbooks were maintained properly and systematically.

In response, it recommended a letter of reprimand to the department's senior management, disciplinary action against the officer responsible for incomplete records and improvements to complaint-handling protocols, particularly those involving video evidence.

Mandatory training and refresher courses were also advised to ensure all enforcement officers remain aligned with departmental guidelines and SOPs.